

SINAR HARIAN • SELASA 29 JUN 2021



# Sindiket pemalsuan dokumen tumpas

Imigresen tahan warga Myanmar dalang sindiket tersebut

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

PUTRAJAYA

Taktik seorang warga Myanmar yang menjadi dalang utama sindiket pemalsuan dokumen dengan menyewa dua buah unit kondominium untuk mengaburi pihak berkuasa berjaya digagalkan Jabatan Imigresen Malaysia.

Suspek yang dikenali sebagai Rockers, berumur lingkungan 38 tahun diberkas dalam satu operasi khas di Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur pada Jumaat.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, operasi dijalankan berdasarkan maklumat risikan selama empat bulan oleh Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, Jabatan Imigresen Malaysia.

"Suspek diberkas kira-kira jam 6.45 petang ketika menunggu pelanggan di dalam kereta di belakang sebuah bangunan di kawasan Kota Raya.

"Susulan penangkapan suspek telah membawa kepada satu serbuan di sebuah unit kondominium mewah di Bandar Tasik Selatan yang dijadi-



Khairul Dzaimie (kiri) menunjukkan antara dokumen palsu yang dirampas pada sidang akhbar di Imigresen Putrajaya pada Isnin.

kan sebagai tempat untuk mencetak dan mengeluarkan pelbagai dokumen palsu," katanya pada sidang akhbar di Imigresen Putrajaya pada Isnin.

Khairul Dzaimie berkata, modus operandi suspek adalah dengan menyewa dua unit kondominium mewah bagi mengelirukan pihak berkuasa.

"Satu unit dijadikan sebagai kediaman, sementara satu lagi dijadikan markas untuk kegiatan suspek.

"Siasatan dijalankan juga mendapati suspek melakukan kegiatan ini secara bersendirian sejak empat tahun lalu dan suspek menggunakan aplikasi seperti WhatsApp, Viber, WeChat dan Telegram sebagai me-

dium untuk mencari pelanggan," katanya.

Menurutnya, sindiket ini menyasarkan pelanggan terdiri daripada warganegara Myanmar dan Bangladesh.

Beliau menjelaskan kadar bayaran yang dikenakan adalah sebanyak RM300 hingga RM1,000 bagi Pas Lawatan Kerja Sementara, i-kad (RM100), pakej cap keluar atau masuk pelbagai negara (RM200).

"Bagi pasport pelbagai negara pula, bayaran dikenakan sebanyak RM500, kad UNHCR (RM100), sijil kelahiran serta sijil perkahwinan Myanmar (RM100) dan lesen memandu antarabangsa (RM100)," tambahnya.